

4 JAN 1996

FORUM BINCANGKAN DEFISIT IMBANGAN PEMBAYARAN M'SIA

KUALA LUMPUR, 4 Jan (Bernama) -- Defisit imbangan pembayaran Malaysia akan dibincangkan dalam satu forum yang akan diadakan pada 11 Januari ini di sini, demikian diumumkan hari ini.

Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) akan menganjurkan forum tersebut mengenai, "Mengurangkan Defisit Imbangan Pembayaran - Cabaran dan Sambutan", yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Perdana Menteri juga akan menyampaikan ucapan dasar yang dijangka menyentuh strategi kerajaan dalam mengatasi defisit imbangan pembayaran.

Presiden ASLI Mirzan Mahathir memberitahu satu persidangan berita bahawa Perdana Menteri telah bersetuju untuk mengadakan satu dialog terbuka dengan kira-kira 200 peserta.

Topik-topik mengenai bidang khusus yang mempunyai kesan ke atas defisit imbangan pembayaran telah dipilih, katanya.

Menurut Mirzan, forum ekonomi negara ini bertujuan memberi lebih kefahaman kepada peserta mengenai keadaan imbangan pembayaran di negara ini serta memberi peluang kepada mereka membahaskan strategi-strategi yang perlu diatur untuk menangani masalah ini bagi jangka panjang.

Katanya, ASLI mengundang Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak bagi membentangkan kertas kerja bertajuk "Mengurangkan Pengaliran Keluar Dana daripada Pendidikan Seberang Laut -- Ke Arah Menjadikan Malaysia Pusat Pendidikan Serantau," memandangkan pengaliran dana sedemikian berjumlah kira-kira RM2.5 bilion setahun.

Forum tersebut, katanya, adalah relevan bagi pengurus korporat, usahawan, penganalisis pelaburan, pengurus dana, penyelidik, pekilang, pengusaha bank dan broker saham. -- BERNAMA